

Teruknya Kualiti Remaja Haiwan Sarkas Kita

Youth -
Juvenile
Delinquency
p:17

Mereka menjadi virus yang memusnahkan prasarana sosial negara

SEBUAH negara yang aman makmur dan keadaan politiknya tenang telah menghadiahkan kebebasan kepada warganya untuk mengekspresikan kegembiraan masing-masing. Tetapi tidak semua yang kita lakukan boleh juga diikuti oleh warga di negara yang mundur, terbelenggu kancak konflik politik dan nilai nyawa sama dengan sebutir peluru.

Kita ternyata telah jauh meninggalkan belenggu itu. Tetapi sebahagian besar daripada generasi remaja kita pula tidak pula merasakan kelebihan yang dinikmati hari ini.

Maka bersyukurlah kerana menerima anugerah yang tidak ternilai ini. Hanya mereka yang tahu bersyukur saja yang merasakan kenikmatan meng-huni negara yang satu ini.

Pada sambutan ulang tahun kemerdekaan 31 Ogos atau tahun baru, kita boleh mengekspresi kegembiraan tanpa takut kepada sesiapa. Kita menjadi tuan di tanah air sendiri. Itulah kelebihan kita yang barangkali banyak orang tidak bijak mentafsirkannya.

Bagaimanapun tidak semua cara kita mengekspresi kegembiraan sejajar dengan nilai sebuah negara yang aman, maju dan bebas ini. Misalnya pada sambutan tahun baru minggu lalu, kegembiraan memang terpancar pada wajah warga kota Kuala Lumpur.

Bergembiralah. Tidak ada salahnya bergembira pada malam tahun baru. Tetapi yang sangat dikesalkan ialah kegembiraan itu memperlihatkan kualiti remaja kita yang sangat rendah. Kita ternyata memiliki remaja yang tidak berkualiti tinggi untuk mengisi kelangsungan apa yang dicapai pada masa ini.

Malam tahun baru yang lalu, misalnya, telah dicemarkan oleh sebahagian besar remaja yang membanjiri Kuala Lumpur untuk menyambut detik 12.00 malam 31 Disember.

Melihat gelagat remaja kita pada tahun baru, tentu banyak antara kita mulai mencurigai malapetaka apakah yang telah menimpa remaja kita hingga begitu tenat nilainya?

Kalau tahun baru itu boleh dijadikan indikator kepada kualiti minda remaja, ternyata kita hanya memiliki banyak remaja yang sesuai untuk jadi pak turut, ejen budaya songsang yang menyekutukan kesongsangan moral sebagai simbol modenisasi. Mereka lupa diri, hilang peribadi.

Lagak remaja kita sebahagian besarnya macam haiwan sarkas yang terlepas daripada sangkar. Remaja kita tersinggung? Ah, tidak mungkin sama sekali. Sebabnya remaja yang setaraf haiwan sarkas ini bukan faham bahasa, jauh sekali

budaya dan santun susila bangsa.

Biarlah mereka tersinggung. Biar mereka marah kerana diletakkan setaraf dengan haiwan sarkas. Biarkan. Dengan kualiti semangat dan minda yang di paras tersangat rendah itu, mereka ini menjadi virus yang akan memusnahkan segala prasarana sosial bagi sebuah negara maju seperti Malaysia.

Sambutan tahun baru tercemar. Sambutan tahun baru menjadi pesta lumba haram, pesta tayang badan yang seksi dan pesta gila-gila serta sangat kurang ajar.

Inilah yang boleh digambarkan pada sambutan tahun baru yang sangat sinonim dengan tekad dan azam.

Kebebasan yang diberikan telah disalahgunakan dengan sewenang-wenangnyanya.

Remaja-remaja kita yang tidak bertanggungjawab telah mengganggu dan memusnahkan penghayatan golongan yang mahu turut bergembira pada malam tahun baru. Remaja kita mence-

tuskan hiruk-pikuk sedangkan sewajarnya tahun baru dilangsungkan dengan tekad baru.

Tapi remaja yang berbangga dengan gelaran mat motor, mat lepak dan segala mat lagi yang membawa konotasi negatif tidak pernah bertekad untuk berubah. Saban tahun mereka mencecuskan kekecohan.

Adakah mereka jadi begini kerana kita terlalu toleran dan masing-masing mengelakkan diri daripada dilabelkan sebagai kolot? Sebenarnya tidak banyak pihak yang berani menegur gelagat memalukan perihal remaja kita.

Masing-masing tidak mahu dikatakan kolot, katak di bawah tempurung dan macam-macam lagi kalau menasihatkan remaja jangan meneguk arak di Bintang Walk atau berkelakuan sumbang di depan khalayak. Sebahagian daripada kita menerima ini sebagai suatu yang biasa. Benarkah ini kebiasaan yang boleh dibiarkan terus-menerus?

Mat motor yang sangat kurang ajar dengan anggota polis, mengganggu lalu lintas dan buat kacau sana sini sudah menjadi satu kebiasaan?

Kepada siapa yang menyaksikan *footage* gelagat remaja kita dalam *Edisi Siasat* ntv7 Sabtu dan Ahad lalu, hakimilah sendiri kualiti remaja kota yang kita miliki sekarang. *Footage* yang diambil semasa sambutan tahun baru sebenarnya sangat membimbangkan. Malah *footage* itu wajar dijadikan bahan kajian psikologi remaja Melayu yang lagaknya macam haiwan sarkas. □

E-mel: kuseman@pc.jaring.my

